

Keperluan Badan Khidmat Nasihat Keluarga Dalam Menyelesaikan Krisis Rumahtangga

Idris bin Awang

Abstract

The issue of divorce in Muslim community in Malaysia deserves serious attention. In certain states the percentage has gone up to almost 23% in terms of the number of marriages of the year. The current study will scrutinise the role played by one of the consultative bodies in its attempts to control the situation with the intention of seeing how far the possibility such bodies can play the role of marriage saviour.

Pendahuluan

Kadar perceraian di kalangan masyarakat Islam di Malaysia adalah satu isu yang sangat perlu diberi perhatian yang wajar. Pada tahun 1990, 14% perceraian telah berlaku berbanding jumlah perkahwinan pada tahun berkenaan.¹ Pada tahun 1991 pula kadarnya meningkat kepada 20%.² Di negeri-negeri sebelah utara semenanjung secara khusus antara tahun 1985 - 1991, terdapat di Kedah misalnya 8682 kes perceraian atau 13.82% dari jumlah 62714 perkahwinan, di Perlis 2113 kes perceraian atau 22.79% dari jumlah 9272 perkahwinan; sementara Pulau Pinang pula mencatit

3939 kes perceraian atau 17.40% kes dari jumlah 22638 perkahwinan.³

Dari perangkaan di atas dapatlah disimpulkan bahawa dari sepuluh perkahwinan Islam di Malaysia, sekurang-kurangnya tiga darinya menghadapi krisis yang serius. Dua atau satu dari perkahwinan berkenaan tidak dapat mengatasi krisis itu dan terpaksa dibubarkan.

Mengadakan badan-badan khidmat nasihat merupakan satu dari usaha-usaha pihak tertentu untuk cuba membantu menyelesaikan krisis-krisis seperti ini. Badan-badan ini diberi berbagai-bagai nama seperti Unit Khidmat Nasihat, Unit Kaunseling dan Badan Perunding Rumah tangga.

Tujuan utama penulisan ini ialah untuk menghuraikan fungsi dan keberkesanannya salah sebuah dari badan-badan berkenaan, iaitu Unit Khidmat Nasihat, Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu yang ditempatkan di Mahkamah Syariah Kuala Terengganu. Unit ini berfungsi sebagai *hakam* atau jawatankuasa penimbangtara untuk membantu menyelesaikan segala masalah yang berkait dengan keluarga Islam. Ia diketuai oleh Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama dengan dibantu oleh Ketua Penolong Pesuruhjaya Bahagian Pentadbiran Undang-undang Syariah dan beberapa orang pegawai.⁴

Fungsi Unit Khidmat Nasihat

Selaras dengan peranan unit ini sebagai jawatankuasa penimbangtara, unit ini bersedia menerima aduan dari orang ramai sama ada lelaki atau perempuan yang menghadapi pelbagai masalah terutama masalah rumah tangga. Pegawai yang bertindak sebagai penimbangtara akan berusaha menjadikan dirinya adil tanpa menyebelahi mana-mana pihak. Keadaan sedemikian akan membantu pegawai berkenaan memahami dan mendalami krisis yang diadukan untuk mengenalpasti punca sebenarnya yang nanti akan menjadi asas kepada usahanya untuk mencari jalan menyelesaikan masalah itu dan seterusnya mewujudkan persefahaman antara pasangan berkenaan.⁵

Dalam usaha untuk mencari jalan penyelesaian ini pegawai yang ditugaskan akan memanggil kedua belah pihak dan mendapatkan segala maklumat yang diperlukan. Maklumat-maklumat ini akan dikaji oleh Unit Khidmat Nasihat secara mendalam dan kemudiannya akan memperakukan tindakan-tindakan perlu. Dalam keadaan di mana kes berkenaan terlalu rumit dan segala usaha kaunseling tidak berjaya menyelesaiannya serta unit ini merasakan kes berkenaan memerlukan tindakan undang-undang, maka pegawai yang ditugaskan itu akan merujukkannya kepada mahkamah. Dengan itu kes ini akan dianggap sebagai kes mahkamah dan akan melalui prosedur biasa mahkamah.⁶

Analisis Data-Data Krisis Keluarga

Dalam tahun 1989, 987 kes krisis keluarga telah dirujukkan kepada Unit Khidmat Nasihat ini (Jadual I). Sudah tentu kes-kes ini adalah kes-kes yang serius kerana kes-kes yang tidak serius kebiasaannya akan diselesaikan di peringkat

keluarga sahaja. Dari jumlah berkenaan 843 kes atau 85.41% telah dapat diselesaikan samada secara damai ataupun secara pembubaran perkahwinan. Apa yang menarik perhatian ialah dari jumlah 843 kes berkenaan hanya 220 kes atau 26.10% sahaja yang diselesaikan secara penceraian dan bakinya diselesaikan secara damai, 26.10% ini agak konstan dengan perbezaan 5% di kesemua daerah di Terengganu kecuali Dungun dan Setiu.

Jadual I juga menunjukkan bahawa Daerah Besut paling banyak mengemukakan kes-kes krisis keluarga, iaitu 256 kes. Dari 253 kes yang telah diselesaikan oleh Unit Khidmat Nasihat di daerah ini, 187 kes (73.91%) dapat didamaikan. Daerah Kuala Terengganu pula mempunyai 243 kes dan 228 kes telah diselesaikan dengan 178 darinya (78.07%) di damaikan. Ia diikuti oleh Daerah Dungun dengan 180 kes. 166 kes telah di selesaikan dengan 156 darinya (93.98%) telah didamaikan. Daerah-daerah ini menghadapi banyak kes krisis keluarga mungkin disebabkan oleh jumlah penduduknya yang ramai.

Dari perangkaan di atas dan perangkaan-perangkaan lain dalam Jadual I (terlampir) dapatlah dibuktikan secara kuantitatif keberkesanan badan-badan khidmat nasihat rumahtangga atau keluarga. Namun demikian bukti kuantitatif ini perlu dinilai secara kualitatif dengan melihat lebih dekat kes-kes berkenaan.

Untuk tujuan berkenaan kita akan mengambil enam kes yang telah dirujukkan kepada unit khidmat ini dan dilihat dari sudut pemohon, punca krisis, kelakuan dan permohonan pengadu. Penilaian akan dibuat terhadap ruang-ruang yang ada dan yang boleh digunakan oleh badan khidmat nasihat untuk mencari penyelesaian kepada kes-kes terlibat.

Punca-punca utama yang dirumuskan dari kes-kes berkenaan di atas adalah campurtangan mertua⁷, suami bersikap kasar⁸, suami curang⁹, suami tidak bertanggungjawab¹⁰, suami tidak berlaku adil dalam hal poligami¹¹ dan isteri tidak memberi layanan sewajarnya. Apa yang dapat dilihat, punca dari berbagai krisis keluarga ini ialah kurangnya kesedaran dan rasa tanggungjawab terhadap rumahtangga sama ada bagi pihak suami atau isteri.

Dengan adanya kesedaran dan rasa tanggungjawab isteri yang muslimah tidak akan membela-kangkan suaminya dan mengutamakan ibu atau bapanya dan akan melayan suami dengan baik. Dalam kes-kes yang telah dibentangkan di atas terdapat dua sifat isteri-isteri yang mengadu yang seharusnya disanjungi dan disyukuri oleh suami-suami mereka iaitu kesabaran dan sanggup berkorban untuk rumahtangga mereka.

Tetapi kesabaran dan pengorbanan ini ada batasnya. Dalam setengah kes, isteri berkenaan sanggup bertahan selama tujuh belas tahun. Sudah sekian lama menghadapi tekanan hidup dari karenah suami barulah beliau tampil untuk mengadu dan menyatakan kesanggupan untuk berpisah.

Suami yang mempunyai kesedaran dan rasa tanggungjawab akan menghormati isteri dan rumahtangga. Layanan yang tidak adil dan bersifat kasar bukan menjadi amalan suami berkenaan. Beliau sedar bahawa suami dan isteri dalam rumahtangga muslim adalah rakan-rakan kongsi yang sama tarafnya dan mempunyai hak-hak

tersendiri yang wajib dihormati oleh kedua-duanya.

Dari sudut kelakuan pula kita dapat i suami-suami yang diadu tidak menunaikan rukun-rukun Islam, curang, mengkasari isteri secara fizikal dan mental, tidak memberi nafkah lahir dan batin secukupnya dan membelakangi isteri pertama setelah mempunyai isteri lain. Isteri-isteri yang diadu pula mementingkan diri, mengutamakan ibubapa dan tidak melayani suami dengan baik. Kelakuan ini menampakkan sekali lagi bahawa kesedaran dan rasa tanggungjawab menjadi sebab utama kepada krisis-krisis keluarga yang telah dibentangkan di atas.

Dari sudut permohonan pula kita dapat i kesemuanya pengadu, suami atau isteri, mahukan krisis yang mereka hadapi diselesaikan dan rumahtangga mereka diselamatkan. Apa yang mereka minta adalah hak mereka dan tidak lebih dari itu. Kalau hak ini dipenuhi dan dihormati sudah tentu segala masalah akan dapat diselesaikan dengan baik.

Dalam setengah-setengah kes, suami-suami hanya mahukan diri mereka dilayani sebagai suami dan memohon isteri-isteri mereka kembali hidup bersamanya. Begitu juga dalam setengah-setengah kes lain, isteri-isteri hanya mahukan suami-suami mereka dinasihati supaya berkelakuan baik dan menghormati mereka sebagai isteri. Dalam satu kes, isteri berkenaan hanya menuntut nafkah dan keadilan yang sememangnya haknya. Dalam kes yang lain pula, isteri mahu dipisahkan dari suaminya, sekiranya suaminya enggan memberi nafkah dan tidak mahu sama-sama bertanggungjawab terhadap rumahtangga mereka.

Kesimpulan

Dari analisis yang telah dibuat kita dapat banyak ruang-ruang yang boleh dimainkan oleh badan-badan khidmat nasihat atau kaunseling keluarga untuk menyelesaikan krisis-krisis rumahtangga yang kalau dibiar akan memecahkan rumahtangga berkenaan. Hampir kesemuanya berpunca dari kurang rasa tanggungjawab, mementingkan diri sendiri dan tidak menghormati pasangan. Punca terakhir mungkin berpunca dari tidak ada kesedaran bahawa dalam rumahtangga muslim suami dan isteri adalah dua rakan kongsi yang sama taraf dan mempunyai hak dan tanggungjawab sendiri dalam satu kontrak sivil yang wajib dipatuhi oleh kedua belah pihak.

Kesemua punca di atas boleh ditangani dengan pendekatan-pendekatan sewajarnya oleh kaunselor-kaunselor yang terlatih. Apa yang perlu dibuat oleh badan-badan khidmat nasihat ini ialah menyedarkan masyarakat tentang kewujudan mereka dan membuka kaunter mereka seluas-luasnya kepada setiap rumahtangga yang bermasalah. Masyarakat perlu disedarkan bahawa masalah rumahtangga perlu diselesaikan di peringkat benihnya lagi dan jangan tunggu sehingga ianya besar. Masyarakat juga, terutama masyarakat kota yang tertutup, perlu disedarkan bahawa rasa segan dan malu untuk menyatakan dan membincangkan sesuatu masalah rumahtangga yang dihadapi akan akhirnya membawa padah yang akan dikesali.

Oleh itu, badan-badan khidmat nasihat atau kaunseling adalah perlu memainkan peranan dengan berkesan dalam menyelesaikan masalah-masalah keluarga bagi mengurangkan kesan-kesan negatif dari krisis berkenaan. Masalah-masalah keluarga selalunya berpunca dari kurang rasa tanggungjawab oleh suami atau isteri yang boleh diatasi dengan pendekatan-pendekatan tertentu.

Nota Rujukan

1. *Berita Minggu*, 6 Oktober 1991
2. *Berita Harian*, 9 Jun 1992.
3. Ab. Kadir Haji Muhammad, "Perceraian di Malaysia: Kajian kes di Kedah, Perlis dan Pulau Pinang" "*Jurnal Syariah*", Jld. 1, Bil. 1 Januari - Jun 1993.
4. Jemilah Abd. Ghani (1992), "Krisis Rumahtangga: punca-punca dan penyelesaiannya mengikut perspektif Islam - Kajian Berdasarkan Kes-kes di Mahkamah Syariah Kuala Trengganu". Fakulti Syariah Akademi Islam Universiti Malaya, hal. 81.
5. *Ibid*, hal. 81 - 83.
6. *Ibid*.
7. Fail Bil. 06/012/3/4/91 (Rekod Rayuan, Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu) (Di petik dari Jemilah Abd. Ghani 1992, *op.cit.*, hal. 94 - 95.)
8. Fail Bil 06/012/2/59/90 (*Ibid*. hal. 97 - 98); Fail Bil. 06/012/2/56/90 (*Ibid*. hal. 99 - 100)
9. *Ibid*.
10. Fail Bil. 06/012/2/10/90 (*Ibid*. hal 101)
11. Fail Bil. 06/012/5/86/90 (*Ibid*. hal 103)

Jadual 1
Laporan Kes-kes Yang Dikendalikan Oleh Unit Khidmat Nasihat
Dari Bulan Januari Hingga Disember 1989

Daerah	Perempuan	Lelaki	Mengesah	Jum. Perceraian	Kes Telah Selesai
Kuala Terengganu	118	60	65	243	228
Kemaman	65	27	24	116	92
Dungun	105	51	24	180	166
Besut	131	56	69	256	253
Hulu Terengganu	32	34	17	83	65
Setiu	26	14	6	46	44
Marang	28	20	15	63	63
JUMLAH	505	262	220	987	843

Sumber: *Unit Khidmat Nasihat, Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu.*